

**PERSATUAN MEMANAH RED ARROWS WILAYAH PERSEKUTUAN**  
(WILAYAH PERSEKUTUAN RED ARROWS ARCHERY ASSOCIATION)



Rujukan Kami : WIRA/2024/17(4)

23 Disember 2024

Pengetua dan Guru Besar  
Sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jurulatih memanah dan penggiat sukan memanah  
Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

**Penganjuran Kursus Asas Kejurulatihan Memanah WIRA 2025**

---

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Persatuan Memanah Red Arrows Wilayah Persekutuan ("WIRA") akan menganjurkan Kursus Asas Kejurulatihan Memanah. Butiran kursus adalah seperti berikut:

Tarikh : 22-23 Februari 2025  
Masa : 9:00 pagi – 5:00 petang  
Tempat : Sekolah Kebangsaan Setiawangsa, Kuala Lumpur

3. Matlamat kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan asas sebagai jurulatih memanah. Penganjuran kursus ini diiktiraf oleh Persatuan memanah Kebangsaan Malaysia ("NAAM") yang melayakkan peserta untuk mengikuti Kursus Kejurulatihan Tahap I.

4. Sehubungan dengan ini, kami menjemput guru-guru, tenaga pengajar jurulatih dan penggiat sukan memanah untuk sama-sama menyertai kursus ini.

5. Untuk sebarang maklumat lanjut, pihak YBhg Dato' boleh berhubung dengan En Azhar Mat Ali, EXCO WIRA di talian 012-292 0006 atau Puan Sahra Shawkat, Setiausaha WIRA di talian 012-237 1300.

6. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahulukan dengan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,

**Ahmad Badli Shah Abdul Aziz @ Md Rani**  
Presiden  
Persatuan Memanah Red Arrows Wilayah Persekutuan

**NAMA KURSUS** : Kursus Asas Kejurulatihan Memanah 2025 Siri 2  
**TEMPAT KURSUS** : Sekolah Kebangsaan Setiawangsa, Kuala Lumpur.  
**TARIKH KURSUS** : 22 – 23 Februari 2025 (Sabtu & Ahad)  
**TARIKH TUTUP** : 15 Februari 2025  
**PENGANJUR** : Persatuan Memanah Red Arrows Wilayah Persekutuan (WIRA)

#### **JADUAL KURSUS**

##### **Tarikh: 22 Februari 2025 (Sabtu)**

<b>MASA</b>	<b>PERKARA</b>
0730 – 1000	Pendaftaran & Pembukaan
0800 – 1000	Pengenalan Sukan Memanah
1000 – 1030	Minum Pagi
1030 – 1130	Pengenalan Kursus
1130 – 1230	Peraturan Asas Memanah
1230 – 1400	Rehat
1400 – 1530	Format Asas Pertandingan Memanah
1530 – 1545	Rehat
1545 – 1700	Asas Kejurulatihan

##### **Tarikh: 23 Februari 2025 (Ahad)**

<b>MASA</b>	<b>PERKARA</b>
0800 – 1000	Pengenalan Peralatan Memanah
1000 – 1030	Rehat
1030 – 1230	Teknik Asas Memanah
1230 – 1400	Rehat
1400 – 1700	Latihan Praktikal
1700 – 1730	Majlis Penutup

**YURAN KURUS** : RM250.00/ seorang

#### **MAKLUMAT PEMBAYARAN**

**NAMA BANK** : BANK ISLAM  
**NAMA** : PERSATUAN MEMANAH RED ARROWS WILAYAH PERSEKUTUAN (WIRA)  
**NO AKAUN** : 1211 3010 0056 82

#### **MAKLUMAT PENGINAPAN**

Penginapan tidak disediakan.

## **KELAYAKKAN PESERTA**

1. Peserta hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun semasa.
2. Terbuka kepada semua individu yang berminat dalam bidang kejurulatihan dan sukan memanah.

## **PENYERTAAN**

Setiap peserta perlu memenuhi setiap kelayakkan penyertaan. Peserta boleh mendaftar di MAREOS sebelum tarikh tutup penyertaan kursus ini. Hanya peserta yang mendaftar di MAREOS sahaja akan diterima untuk hadir ke kursus. Sebarang pendaftaran melalui borang-borang lain adalah tidak diterima. Jika terdapat sebarang permasalahan atau pertanyaan berkaitan MAREOS, boleh hubungi di talian **+60 18-266 6181**.

## **TANGGUNGJAWAB PESERTA**

1. Segala perbelanjaan, penginapan, pengangkutan, makan minum dan alat tulis semasa kursus adalah tanggungan peserta sendiri **KECUALI** dimaklumkan oleh pihak penganjur.
2. Sebarang kehilangan harta benda atau kemalangan yang berlaku pada sebelum, semasa dan selepas kursus adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak NAAM atau penganjur **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** di atas kehilangan atau kemalangan yang berlaku.
3. Peserta dinasihatkan dan digalakkan mempunyai insuran peribadi sebagai jaminan jika berlakunya kemalangan sepanjang waktu kursus.
4. Semua peserta kursus haruslah berpakaian **SUKAN**, kemas dan tidak mencolok mata.
5. Berpakaian seperti berseluar pendek, baju tidak berlungan dan berkasut tumit tinggi (bagi wanita) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
6. Semua peserta **DIWAJIBKAN** berkasut sukan sepanjang kursus berlangsung.
7. **Semua peserta DIWAJIBKAN untuk membawa peralatan memanah sendiri.**
8. **Yuran telah dijelaskan sepenuhnya semasa hari pendaftaran (hari pertama kursus).**

## **TANGGUNGAN**

Tidak ada mana-mana individu atau entiti termasuk penceramah yang hadir yang dibenarkan untuk merakam dan/atau menyiarkan secara elektronik sebarang bahagian acara tanpa persetujuan bertulis daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM). Rakaman yang tidak sah, antaranya termasuk dan tidak terhad kepada audio, video dan gambar semasa mana-mana sesi ceramah, poster, dan/atau bengkel yang dikendalikan oleh NAAM adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kelulusan bertulis NAAM. Peserta dan/atau penceramah yang tidak mematuhi arahan mungkin diminta meninggalkan premis tersebut.

## **NO. TALIAN PENTING.**

### **Urusetia**

Mohd Azhar Mat Ali +6012 292 0006

### **MAREOS**

Fai Mokhtar Lopi +60 18-266 6181.

### **Peserta**

Waris terdekat – Setiap peserta dikehendaki mendaftarkan no telefon waris terdekat bagi tujuan kecemasan.



# KURSUS ASAS KEJURULATIHAN MEMANAH WIRA 2025 SIRI 2

- Tarikh & Hari : 22 (Sabtu) & 23 (Ahad)  
Februari 2025
- Masa : 9 pagi – 5 petang
- Tempat : SK Setiawangsa,  
Kuala Lumpur
- Yuran Penyertaan : RM250.00
- Tempat : Terhad 35 orang Sahaja
- Pendaftaran : MAREOS  
(Malaysia Archery Result  
& Entry Online System)
- Bayaran Termasuk : Bahan Kursus  
: Makan & Minum  
(Pagi, Tengahari & Petang)  
Air Mineral sepanjang  
kursus.  
: Sijil Penyertaan NAAM  
(Lengkap 16 jam masa  
kursus)
- Tarikh Tutup : **15 Februari 2025**
- Penganjur : Persatuan Memanah  
Red Arrows Wilayah  
Persekutuan (WIRA)
- Pertanyaan : Mohd Azhar Mat Ali  
(012 292 0006)

